



## UNTUK SIARAN SEGERA

### KENYATAAN MEDIA

#### **LAWATAN KERJA YB TIMBALAN MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI KE KAWASAN BENCANA TAUFAN LEKIMA: PULAU PINANG ANTARA KAWASAN TERJEJAS**

1. Hampir 80 hingga 100 peratus kerosakan telah dialami oleh penternak dan pengusaha ikan di negeri Pulau Pinang yang terjejas akibat Taufan Lekima yang melanda baru-baru ini.
2. Jumlah keseluruhan kerugian yang dialami bagi negeri Pulau Pinang melibatkan seramai **152 orang terkesan, lebih 800 tan metrik ikan mati dengan nilai anggaran sebanyak 29 Juta Ringgit Malaysia.**
3. **Sungai Udang** antara kawasan yang terjejas teruk melibatkan 141 penternak mengalami kerosakan serius pada infrastruktur dan peralatan dengan nilai anggaran kerugian sebanyak 25 juta ringgit dan lebih 700 tan metrik ikan terlepas dari sangkar.
4. Manakala di **Teluk Bahang**, sebanyak 6 pengusaha mengalami kerugian yang melibatkan kematian ikan ekoran perubahan arus laut yang membawa bersama nutrien dan partikel terampai serta menyebabkan paras oksigen menjadi rendah. Anggaran kematian ikan mencatatkan sebanyak 96 tan metrik dengan nilai sebanyak 3.55 juta ringgit.
5. Dan di **Pantai Jerejak** pula merekodkan seramai 3 pengusaha terjejas akibat kerosakan infrastruktur sangkar dan sebanyak 1 tan metrik ikan terlepas dengan anggaran kerugian sebanyak 68 ribu ringgit.
6. Sementara itu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, dalam satu kenyataan memaklumkan, satu laporan terperinci akan dibuat berhubung kerosakan yang dialami petani, penternak serta nelayan akibat bencana ini bagi memastikan bentuk-bentuk bantuan yang perlu disalurkan kepada kumpulan sasar yang terkesan.

###

Kenyataan media ini disiarkan oleh :

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

**18 Ogos 2019 (Ahad) jam 11.00 pagi.**

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

No. Tel : 012-356 9344 (Yazeereen)  
012-664 9570 (Aqilah)

Email : [ukk@dof.gov.my](mailto:ukk@dof.gov.my) ; [pro@dof.gov.my](mailto:pro@dof.gov.my)